



MUHAMMAD ZAIMUDDIN berkerusi roda ketika dibawa ke IPD Dang Wangi, Kuala Lumpur semalam.

Peniaga belon sudah ditegur tiga kali



'Abang belon' tekad mahu lawan DBKL

- **Tampil buat laporan polis, pertahankan diri dan maruah**
- **Dakwa hanya jual belon, bukannya dadah**

Oleh **HARRITH HISHAM**

KUALA LUMPUR – Penjual belon yang terlibat dalam insiden pergelutan dengan penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tampil membuat laporan buat pertama kali di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi di sini semalam.

Laporan dibuat Muhammad Zaimuddin Azlan, 28, atau lebih dikenali sebagai 'abang belon' pada pukul 11.09 pagi bagi mempertahankan diri dan maruah keluarganya ekoran kejadian itu.

Lelaki itu hadir dengan ditemani ibu bapanya serta peguam Rafique Rashid, Che'gu Bard dan pengamal perubatan, Dr. Mohd. Hafidz Rizal.

Muhammad Zaimuddin berkata, dia berniaga belon secara separuh masa sempena Ramadan dan raya memandangkan tugas kedi golf sepenuh masa tidak banyak waktu itu.

"Saya mahu berubah, bukan mudah jadi orang miskin. Saya akan lawan sebab ini zalim. Kepada pihak berkuasa, tolong bertindak ikut undang-undang saya hanya mencari sesuap nasi untuk keluarga. Kami pun mahu

beraya seperti orang lain.

"Adakah sebab saya pernah ada kes, maka saya tak boleh cari rezeki halal? Pada 28 Mac lalu, saya di Sogo jual belon, saya tidak jual dadah," katanya.

Menurutnya, kes lampau yang dimiliki tidak boleh dijadikan 'lesen' kepada sesiapa sahaja untuk memukulnya.

"Kalau saya bekas penjenayah, maka saya boleh dipukul, ditendang, diterajang, dicekup leher dan diperlakukan dengan zalim?"

"Kalau saya miskin, ada kes lampau, adakah DBKL boleh layan saya macam sampah? Adakah maksudnya saya tiada tempat untuk lawan orang yang buat salah dengan saya?" katanya.

Rafique pula berkata, pihaknya tidak akan mengulas berkaitan rekod terbabit memandangkan perkara itu belum disahkan secara rasmi.

"Kita harus faham, kes lampau ini selalunya digunakan bagi isu-isu di mana seseorang itu dituduh ingin mengaku bersalah atau didapati bersalah di mahkamah dan kes lampau akan diguna sebagai faktor pemberatan oleh pihak pendakwa raya.

"Namun, kewujudan kes lampau ini tidak menghalalkan sebarang perbuatan yang melampaui oleh mana orang terutama mana-mana badan penguatkuasaan," jelasnya.

Katanya, laporan polis yang dibuat semalam adalah sebagai satu peringatan kepada semua

badan penguatkuasaan untuk mengambil tindakan secara adil.

"Pertama kita buat laporan polis dahulu. Mengikut arahan yang saya terima semalam memang keluarga Muhammad Zaimuddin ingin meneruskan dengan tindakan undang-undang," jelasnya.

Dr. Hafidz berkata, Muhammad Zaimudin yang dimasukkan ke hospital sejak 2 Mac hingga 4 April lalu didiagnos mengalami 'compression fracture T12' (saraf tulang belakang toraks).

Perkara itu didedahkan menerusi nota discaj dan sijil cuti sakit selama 48 hari yang dikeluarkan oleh Bahagian Ortopedik Hospital Sultan Idris Hospital, Serdang.

"Antara komplikasi yang kita paling risau, dia mula kebas kerana compression ini akan memberi kesan kepada T11 dan saraf tulang belakang lumbar 1 (L1).

"Apabila dah compress tulang T12, bermakna akan ada ruang kosong antara T11 dan L1. Selain itu, komplikasi yang paling kita tak nak adalah risiko lumpuh," katanya.

Sebelum ini tular di media sosial memaparkan pergelutan antara seorang peniaga belon dan penguat kuasa DBKL dalam kejadian di Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) di sini.

DBKL dalam kenyataan memaklumkan, anggota penguat kuasanya telah memberi teguran sebanyak tiga kali kepada penjual belon tanpa lesen itu sebelum tindakan diambil.